

# Persisi bentuk Majlis Guru2 Silat S'pura

11 AUG 1979

Venach Silat

DALAM usaha menjadikan susunan pelajaran seni silat lebih teratur dan terkawal di samping berusaha mengumpulkan semua guru silat, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah bersetuju membentuk Majlis Guru-guru Silat Singapura dalam mesyuaratnya yang dijalankan baru-baru ini.

Majlis ini dipengerusikan oleh Encik Johari Urif dengan Encik Ariff Haji Zahari dipilih sebagai setiausaha agungnya.

Menerangkan tentang tujuan pembentukan majlis ini, Encik Johari menerangkan bahawa tujuan utamanya ialah untuk mendapatkan penyatuan

tenaga dan fikiran dari semua guru silat, tanpa mengira jenis-jenis silat yang diajarnya.

Majlis ini juga akan membantu Persisi berusaha meningkatkan taraf silat di sini supaya dapat mencapai taraf antarabangsa.

## Olahraga

"Di samping itu ia dibentuk untuk membantu kami meneliti sistem pengajaran bagi setiap jenis silat oleh persatuan-persatuan setempat, agar mudah kami mengadakan satu sistem yang lebih tersusun," katanya.

Dia menjelaskan lagi bahawa majlis ini juga akan menjalankan usaha menggalakkan silat sebagai cabang olahraga yang boleh dipertandingkan.

"Kami juga bertujuan untuk membentuk satu

senarai etika guru-guru silat di sini, melalui majlis yang sama," tambahnya.

Antara tugas-tugas yang bakal dijalankan oleh majlis ini ialah menyertai perbincangan-perbincangan mengenai peraturan-peraturan bersilat sebagai sejenis olahraga.

Majlis ini juga akan bertanggungjawab dalam melatih pesilat-pesilat Singapura yang bakal menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Di samping itu, ia juga akan membentuk satu unit perubatan dan pertolongan cemas untuk mengrusak sebarang masalah perubatan yang mungkin dihadapi oleh pesilat-pesilat ketika menyertai pertandingan, pertunjukan ataupun latihan di samping bertanggungjawab untuk memberikan ceramah-ceramah dari

masa ke masa kepada orangramai.

Majlis ini juga akan mempunyai wakilnya dalam Lembaga Ujian (grading) untuk menjalankan ujian kesihatan kepada bakal pesilat.

Ia juga akan bertanggungjawab untuk melantik jurulatih-jurulatih Kebangsaan.

## Bergabung

11 AUG 1979

Dalam mesyuarat itu, Encik Hosni Ahmad dari silat Al Haq telah dilantik sebagai jurulatih kebangsaan dengan dibantu oleh Encik Mohd. Din Mohamad.

Anggota-anggota lain dalam jawatankuasa majlis ini terdiri dari wakil-wakil dari setiap persatuan silat yang bergabung dengan Persisi dan setiap persatuan ditetapkan menamakan dua orang wakil.

## Kursus silat utk kanak2

15 AUG 1979

PERKUMPULAN Seni Silat Setia Hall (Esha) akan menganjurkan kursus silat khas untuk kanak-kanak yang berumur antara 6 dengan 12 tahun di bawah projek yang diberi nama 'Tunas Mekar Esha'.

Ia akan dimulakan pada awal Oktober di bawah pimpinan Encik Subi Selamat bertempat di Zehnder Road, Pasir Panjang.

Pendaftaran bagi menyertai kursus ini bermula dari sekarang dan mereka yang berminat boleh berhubung dengan Encik Subi sendiri di alamat 88L, Zehnder Road, bagi mendapatkan borang.

Sementara itu, setiausaha Esha, Encik Mohamed Kaspari, memberitahu bahawa perkumpulannya



ENCIK MOHAMED

juga telah mendaftarkan dua orang guru silat dan ia telah pun diluluskan.

Tiga buah gelanggang Esha akan dibuka untuk menjalankan latihan dan gelanggang-gelanggang itu terletak di 63 Kampong Amber, 12 Lorong Klikir, dekat Lim Chu Kang, dan 3 Jalan Penggaga.

Di Kampong Amber, latihan dilakukan pada setiap 8.00 malam Sabtu dan Ahad, sementara di Lorong Klikir 8.00 malam Sabtu, dan di Jalan Penggaga mulai 8.00 malam Ahad.

## Saringan awal Juara Terbuka Silat Gayung dimulakan

24 SEP 1979

### Majalah

SEKSI Silat Gayung Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) telah memulakan saringan awal pertandingan untuk merebut gelaran Juara Terbuka Silat Gayung di kalangan ahli-ahli kumpulan pencak silatnya.

Menurut presiden Perwanit, Encik Johari Urif, perlawanan silat bercorak olahraga ini bukanlah bertujuan untuk menghilangkan keaslian seni silat yang biasa diajarkan.

"Tetapi perlawanan ini boleh diiktiraf sebagai sejenis sukan bagi para peserta yang mengambil bahagian," jelasnya lagi sambil berkata bahawa peringkat akhir pertandingan ini akan diadakan pada penghujung tahun ini.

Perwanit juga sekarang sedang merancang berbagai kegiatan yang termasuk antara lain mengadakan forum mengenai perkembangan seni silat hari ini, pada lewat Oktober depan.

Sementara itu, jawatan kuasa kurnia para pelajar juga kini dalam rancangan. Ia bertujuan membuat penilaian terhadap karya-karya pelajar dari peringkat sekolah rendah dan peringkat juga dari peringkat menengah di sini.

"Pihak kami juga sedang berusaha untuk mengimport angklung-angklung dari Malaysia atau pun Indonesia," kata Encik Johari yang telah dipilih sebanyak tiga kali berturut-turut sebagai presiden Perwanit.

Di samping usaha membentuk pasukan tarian dan hadrah, Perwanit juga besar kemungkinan akan mengadakan expo perdagangannya buat kali kedua jika dapat tempat yang sesuai.

## Seni silat

29 SEP 1979  
PERSATUAN Kebudayaan Melayu akan menganjurkan sebuah ceramah mengenai seni silat oleh Encik Arif Zahari pada Sabtu, 13 Oktober, mulai 2.30 petang di Longtong House, 15, Emerald Hill Road.

"Para pelajar boleh menghantar karya-karya mereka dalam bentuk esei, cerpen dan sajak untuk dinilai oleh jawatankuasa penilaian," tambah Encik Johari lagi.

Mereka yang biasa menghasilkan karya-karya untuk majalah *Harapan*, majalah sekolah ataupun lain-lain majalah yang berbentuk pendidikan, digalakkan mengambil bahagian dan pemenang-pemenang akan diberi hadiah berupa wang tunai dan cenderamata.

### Berusaha

Menurut Encik Johari lagi, setelah Perwanit berhasil menubuhkan pasukan gamelan pada Julai lalu, kini usaha-usaha sedang dilakukan untuk menubuhkan kumpulan angklung dan anggota pemainnya terdiri dari para penuntut di salah sebuah sekolah menengah di sini.

"Pihak kami juga sedang berusaha untuk mengimport angklung-angklung dari Malaysia atau pun Indonesia," kata Encik Johari yang telah dipilih sebanyak tiga kali berturut-turut sebagai presiden Perwanit.

Di samping usaha membentuk pasukan tarian dan hadrah, Perwanit juga besar kemungkinan akan mengadakan expo perdagangannya buat kali kedua jika dapat tempat yang sesuai.